

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn di-Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Sekolah Menengah Lelaki Methodist, Jalan Davidson, Kuala Lumpur pada hari Sabtu, 4hb September, 1971 pukul 5.30 petang

Terlebeh dahulu saya mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kepada Pengerusi Lembaga Pengelola, ahli2-nya, guru2, ibu2 bapa dan penuntut2 sakalian kerana telah menjemput saya hadzir di-Majlis Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah sekolah ini pada petang ini.

Dalam ucapan Guru Besar tadi beliau telah menyentoh akan kerjasama orang ramai terhadap pembenaan bangunan tambahan Seni Perusahaan dan Bilek Kuliah sekolah ini. Sekali pun pemberian dari Kerajaan tidak begitu banyak tetapi kepada ibu2 bapa yang telah menghulorkan derma sa-hingga dapat mengutip \$70,000.00, saya ucapkan ribuan terima kaseh dan di-harap usaha yang baik ini akan terus berkekalan pada masa2 yang akan datang.

Dalam tahun2 enam pulohan dan sa-hingga ketika ini pembangunan utama dalam lapangan pelajaran telah di-tumpukan ka-arrah memperluaskan kemudahan2 pelajaran terutama sekali di-peringkat rendah dan menengah rendah. Perkembangan ini lebeh jelas lagi kalau saya huraikan sechara bilangan dari chara peratus sahaja. Jumlah bilangan murid2 bagi peringkat rendah pada kadar hitong panjang 4.1% tiap2 tahun dalam tahun 1957 hingga 1967 tetapi berkurangan kepada 2.2% dalam tahun 1967 hingga 1971. Ini ia-lah di-sebabkan oleh kerana menjelang tahun 1967 Malaysia telah mengadakan pelajaran rendah umum dan telah dapat mengujudkan perhubungan rapat di-antara kanak2 yang telah memasoki sekolah dalam kumpulan umur yang berkenaan. Suka-lah saya nyatakan di-sini bahawa bilangan murid2 di-sekolah rendah pada hari ini ia-lah hampir 1.46 juta. Dalam tempoh yang sama kemasokan murid2 di-sekolah2 kebangsaan ada-lah turut juga meningkat dari 442,000 kepada 744,000 ia-itu kenaikan sebanyak 68.3%.

Suka saya menyatakan di-sini bahawa ada dua perkara yang telah menyebabkan kadar penambahan bilangan murid2 di-sekolah rendah yang tinggi ini. Yang pertama ia-lah oleh kerana penghapusan yuran sekolah di-semua sekolah2 rendah dalam tahun 1962 dan dengan bertambah-nya bilangan sekolah2 rendah yang di-bena di-kawasan2 luar bandar. Satu lagi faktor yang menambahkan lagi bilangan murid2 di-sekolah2 rendah ada-lah kesedaran penduduk2 di-negara ini terutama mereka2 di-luar bandar tentang peri mustahak-nya pelajaran dalam dunia yang maju dan progressif ini.

Kadar perkembangan bilangan murid2 di-peringkat menengah rendah sangat-lah mengkagumkan terutama sekali selepas penghapusan Pepereksaan Masok Sekolah Menengah Tanah Melayu dalam tahun 1964 dan pengenalan sistem pelajaran anika jurusan dalam tahun 1965. Jumlah bilangan murid2 di-peringkat sekolah menengah ia-lah 61,136 dalam

tahun 1957 dan meningkat kepada 146,357 dalam tahun 1967 dan pada hari ini jumlah tersebut sangat-lah mengagumkan ia-itu lebih dari 403,000.

Dengan bertambah-nya bilangan kanak2 masuk sekolah ia-itu hasil dasar ini terutama sekali dalam tahun 1957 dan 1965, keadaan yang hampir2 menchemaskan telah menyebabkan Kementerian Pelajaran terpaksa melateh dan mengeluarkan seramai 4,000 orang guru setahun. Pada hari ini, kedudukan ini hampir puleh dan pengeluaran tahunan dari Maktab2 Perguruan di-jangka lebih kurang 1,000 orang setahun.

Tugas Kementerian Pelajaran yang paling mendesak pada masa ini ia-lah melateh semula sebahagian besar guru2 yang ada untuk membolehkan mereka mengajar dengan lebih berkesan lagi dalam Bahasa Kebangsaan. Latehan semula guru2 Sekolah Rendah sapertimana yang tuan2 dan puan2 telah ma'alum, bahawa ini telah di-mulakan dalam tahun 1970 dan menjelang tahun 1973 kita berharap sa-jumlah lebih kurang 5,600 orang guru akan dapat di-lateh semula.

Memandangkan kepada perubahan2 yang berlaku di-peringkat Sekolah Menengah, maka sa-jumlah lebih kurang 10,500 orang guru akan di-lateh sa-mula menjelang tahun 1979 dan rancangan ini, suka-lah saya sebutkan di-sini, akan di-mulai pada tahun ini.

Kekurangan guru2 siswazah, saperti yang di-alami oleh sekolah ini, masih terus berlaku dalam sekolah2 menengah atas terutama sekali dalam lapangan pelajaran sains dan ilmu hisab. Masaelah ini, saya yakin akan dapat di-atasi sa-bahagian besar-nya menjelang akhir Rancangan Malaysia Kedua apabila Universiti Kebangsaan dan Universiti di-Pulau Pinang di-tubuhkan sa-penoh-nya dengan bertambah bilangan penuntut2-nya.

Saya berasa sukachita mengetahui bahawa perojek2 sains sekolah ini yang telah di-pamerkan dalam Pameran Sains Sekolah2 Menengah seluruh Malaysia telah dua kali berturut2 memenangi hadiah terbaik, selain daripada memenangi hadiah2 yang lain. Pada petang ini suka saya mengumunkan bahawa Kementerian Pelajaran akan mengadakan satu Pameran Kebangsaan untuk sekolah2 yang meliputi semua aspek pelajaran, ia-itu sains, ilmu hisab, teknikal, vokeshenal, sains rumah tangga dan lain2 yang ada hubungan-nya dengan pelajaran. Oleh itu, saya berharap semua pihak di-sekolah2 rendah dan menengah akan bersedia dari sekarang untuk turut menganbil bahagian dalam pameran yang bakal di-adakan pada tahun 1972.

Akhir-nya, kepada penuntut2-nya yang berjaya dan mendapat hadiah hari ini saya ucapkan tahniah dan berharap agar yang lain berjaya juga dalam apa jua peperiksaan yang bakal mereka ambil pada masa2 yang akan datang. Kepada ahli2 Lembaga Pengelola, guru2 dan ibu2 bapa yang menjayakan majlis yang meriah ini saya ucapkan tahniah dan di-harap kerjasama yang baik ini di-teruskan untuk kemajuan pelajaran anak2 kita.

